



EDISI 2

# TIADA YANG MUSTAHIL

KISAH KEJAYAAN OKU



- *Editor*
- Norailis Ab. Wahab
- Hamidah Hassan
- Siti Mariam Sageh
- Noorhafiza Ahmad

## **TIADA YANG MUSTAHIL: KISAH KEJAYAAN OKU EDISI 2**

Diterbitkan oleh:

**INSTITUT SOSIAL MALAYSIA**

Lot PT 13856

KM6 Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban  
Sungai Besi, 57100 Kuala Lumpur  
Malaysia

Tel: 03-7985 3333      Faks: 03-7985 3300

E-mel:info@ism.gov.my

Laman Web: www.ism.gov.my

Cetakan Pertama 2022

Penerbitan © Institut Sosial Malaysia

Teks dan Foto © Institut Sosial Malaysia

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian teks, ilustrasi, foto atau isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain kecuali dengan keizinan bertulis daripada Institut Sosial Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

### **TIADA YANG MUSTAHIL: KISAH KEJAYAAN OKU EDISI 2**

EDITOR Norailis Ab. Wahab, Hamidah Hassan, Siti Mariam Sageh, Noorhafiza Ahmad. – EDISI 2.

ISBN 978-967-5472-50-3

1. People with disabilities.

2. Succesful people.

3. Success

I. Norailis Ab. Wahab. II. Hamidah Hassan.

III. Siti Mariam Sageh. IV. Noorhafiza Ahmad.

Dicetak di Malaysia oleh:

Techno Secure Print Sdn. Bhd.

SD30, Jalan KIP 10 Perindustrian Kepong,

Kepong, 52200 Kuala Lumpur




# ISI KANDUNGAN

<i>Perutusan</i>	X
<i>Kata Alu-aluan</i>	XIV
<i>Penghargaan</i>	XVII
<i>Prakata</i>	XIX
<i>Senarai Ahli Pasukan Task Force Penerbitan Buku Tiada Yang Mustahil: Kisah Kejayaan OKU Edisi 2</i>	XX
<b>Pengenalan - Tiada Yang Mustahil: Kisah Kejayaan OKU</b>	1
<b>OKU DALAM BIDANG AKADEMIK</b>	14
<b>Profesor Ts. Dr. Zaidi Embong</b>	15
<i>Saintis OKU Berkerusi Roda</i>	
<b>Profesor Madya Dr. Mohd. Nizam Barom</b>	23
<i>Polaroid Tidak Berfilem</i>	
<b>Dr. Ahmad Shamsuri Muhamad</b>	33
<i>Harapan Mencipta Keberanian, Usaha Mencapai Kehormatan</i>	
<b>Meor Muhd. Afif Aiman Abu Bakar</b>	41
<i>Ibarat Mutiara Di Belahan Lautan</i>	



Sharifah Zubaidah Wan Abu Bakar	47
<i>Tinta Cereka Si Buta</i>	
OKU DALAM BIDANG KEMASYARAKATAN	56
Aqlam Jafri	57
<i>Patah Sayap Terbang Jua</i>	
Chole Gan	65
<i>Hwarang: Teras Empat Arah</i>	
Choo Siew Cheong	71
<i>Mengejar Peluang, Menggarap Impian</i>	
Mohammad Faizal Che Yusof	79
<i>Memasak Mandat Menggalas Amanah</i>	
Norfarrah Syahirah Shaari	91
<i>Membujur Lalu Melintang Patah</i>	
Ramlah Md Jalee	99
<i>Setitis Ilmu Seluas Lautan</i>	
Zamri Mansor	107
<i>Bagai Helang Memintas Awan</i>	
OKU DALAM BIDANG KESENIAN	116
Muhammad Qayyim Nizar Sarimi	117
<i>Lantunan Suara Menusuk Kalbu</i>	
Khairul Azmi Mohd. Saat	123
<i>Suara Emas Membelai Jiwa</i>	

<b>OKU DALAM BIDANG KEUSAHAWANAN</b>	130
Dr. Ruzimi Mohamad @ Mahmood	131
<i>Menyulam Tekad Menggapai Impian</i>	
Khairi Othman	141
<i>Perah Keringat Menongkah Arus Ampuh Kehidupan</i>	
Mohd. Nazri Hussin	149
<i>Usah Direnung Letihnya Usaha</i>	
Muhammad Huzaery Muhamad Daud	157
<i>Dambaan Displin Dalam Potensi Menemukan Cita-Cita</i>	
Noor Azizah Muhammad Zamri	165
<i>Sabar Kunci Jaya</i>	
Nor Adzleen Abdul Karim	171
<i>Biar Tangan Berbicara</i>	
Norli Hamzah	179
<i>Warisan Kasih Penyambung Legasi</i>	
Jeannie Tan Ruey Jiuan	185
<i>Perbezaan Yang Dirai</i>	
<b>OKU DALAM BIDANG KESUKANAN</b>	194
Ahmad Fadil Othman	195
<i>Sinaran Permata Berharga</i>	
Bonnie Bunyau Anak Gustin	201
<i>Nekad Si Badang</i>	



Cheah Liek Hou	209
<i>Tangan Emas</i>	
Mohamad Khasseri Othman	217
<i>Pandangan Melangkaui Penglihatan</i>	
Mohamad Ridzuan Mohd. Asri	225
<i>Yang Bulat Datang Bergolek, Yang Pipih Datang Melayang</i>	
Mohd Sabki Ariffin	233
<i>Nekad Dan Tekad Menakluk Keunggulan</i>	
Muhammad Hisyam Khaironi	243
<i>Lontaran Membina Arca Kejayaan</i>	
Muhamad Ashraf Muhammad Haisham	249
<i>Larian Mengejar Impian</i>	
Muhammad Nabil Rosli	259
<i>Sehari Selembar Benang, Lama-Lama Menjadi Kain</i>	
Sunny N Saborido	267
<i>Bahana Sang Peredam</i>	
<b>Biodata Penulis</b>	273

# Yang Bulat Datang Bergolek, Yang Pipih Datang Melayang

OLEH: YUSRINADINI ZAHIRAH MD. ISA @ YUSUFF

Mohamad Ridzuan Mohamad Asri merupakan anak kedua daripada empat adik-beradik. Beliau merupakan seorang individu berstatus Orang Kurang Upaya (OKU) yang mempunyai masalah pembelajaran. Beliau dilahirkan di Taiping, Perak, namun membesar di Selayang, Selangor di bawah jagaan ayahnya setelah ibu bapanya membawa haluan masing-masing. Penceraian tersebut juga membuatkan beliau terpisah dengan kakaknya yang berada di bawah jagaan ibu beliau dan hanya mula menghubungi satu sama lain sekitar 20 tahun kemudian. Namun, malang tidak berbau apabila ayah Ridzuan telah terlibat dalam kemalangan semasa beliau masih berumur 12 tahun yang menyebabkannya lumpuh. Oleh itu, tugas dan tanggungan keluarganya mula diambil alih oleh nenek dan datuknya.

Hubungan Ridzuan dan Encik Mohd. Yusof Tawil diibaratkan seperti isi dengan kuku kerana sejak kecil lagi beliau sudah mendaftar di pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Selayang dan diselia oleh Encik Yusof. Penyelianya telah menjadi saksi pahit manis perjalanan

kehidupan Ridzuan, dan telah memahami sikap beliau semenjak dari kecil lagi. Peranan dan jasa Encik Yusof bukan sekadar seorang penjaga, malah beliau turut menjadi penasihat dan jurulatih kepada Ridzuan. Pengalaman Encik Yusof yang sudah terlibat dalam Special Olympics sejak tahun 1999 dimanfaatkan sebaiknya kepada Ridzuan.

Bagi Ridzuan, cabaran utama untuk menggapai ke puncak kejayaannya adalah kelelahan. Hal ini kerana, beliau berlatih pelbagai sukan secara serentak, antaranya badminton, boling dan bocce. Bagi latihan badminton, sudah dijadualkan untuk beliau berlatih sebanyak dua kali seminggu. Latihannya akan bermula sejam selepas berakhirnya waktu persekolahan sehingga ke malam. Encik Yusof akan mengambil beliau dari rumah ke Dewan Seroja yang berdekatan dengan Kampung Bendahara untuk berlatih bagi mengasah bakat kesukanannya. Latihan Ridzuan turut dibantu oleh gurunya iaitu Cikgu Syah, yang menjadi pasangan beregunya. Beliau tidak dapat berlatih dengan lebih kerap kerana masalah